

## Dua restoran jual babi tercemar diserbu

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menyerbu tiga premis membabitkan pusat pengedaran khinzir dan dua restoran makanan kerana menjual produk berasaskan khinzir yang diimport dari 10 negara dikesan dijangkiti virus di sekitar Lembah Klang, kelmarin.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, virus demam babi Afrika (ASF) ini sangat berbahaya dan boleh menjejaskan industri khinzir di negara ini sebanyak RM5 bilion termasuk 600 ladang ternakan khinzir.

Beliau berkata, kerajaan menarik larangan import dari China, Poland, Belgium, Thailand, Vietnam, Kemboja, Hong Kong, Myanmar, Filipina dan Laos secara berperingkat sejak 2018.

"Jadi penting bagi kita meningkatkan biosecuriti negara supaya virus ini tidak masuk sekali gus mengjangkiti ternakan khinzir di negara ini. Kita tahu 40 peratus rakyat Malaysia bukan Muslim dan mereka makan haiwan berkenaan.

"Sehubungan itu, JPV mengadakan operasi bersepadu di sebuah pusat pe-



*Kita dapat masih ada produk tin berasaskan khinzir yang dilarang import masih dijual di negara ini"*

**Sim Tze Tzin**

ngedaran khinzir dan dua restoran kerana menjual daging khinzir dari Vietnam yang dilarang import.

"Kita dapat masih ada produk tin berasaskan khinzir yang dilarang import masih dijual di negara ini. Kita tidak lagi meng-import produk khinzir sebaliknya lebih kepada penyuatuasaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Pemindahan Teknologi 2019 bersempena majlis Sambutan 50 Tahun Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Mardi, Datuk Mohammad Roff Mohd Noor dan Ketua Pengarah JPV, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam.

Menurutnya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menukuhan pasukan khas merangkumi wakil Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Permeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM).

Katanya, turut sama wakil Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), bertujuan memantau produk import berkenaan dan setakat ini, Malaysia masih bebas daripada penularan virus terbabit.